Model Kertas Peperiksaan 1

Bahagian A: Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian **A**, **B** *dan* **C**. *Anda perlu menjawab kesemua bahagian.*

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1 Tujuan utama bimbingan adalah untuk _____.

A mencegah daripada merawat masalah psikologi individu

B memberi maklumat pendidikan dan kerjaya kepada individu

C menentukan matlamat jangka pendek dan panjang kepada individu

D mengembangkan daya usaha individu serta membuat penyesuaian diri dengan kehendak masyarakat

2 Penubuhan Unit Perkhidmatan Kerjaya dan Kaunseling pada tahun 1969 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) menandakan _____.

A berkembangnya bilangan kaunselor di negara ini

B permulaan perkhidmatan ini di institusi pengajian tinggi

C peningkatan moral dan semangat bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

D inisiatif Bank Negara Malaysia dalam menubuhkan sebuah Unit Kaunseling di Jabatan Personel

3 Pernyataan-pernyataan berikut adalah benar tentang kaunseling penyalahgunaan dadah, **kecuali** ...

A mencegah murid daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

B membantu murid mendapatkan kemudahan pemulihan, jika perlu.

C turut memberikan kaunseling kepada ibu bapa murid yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

D memberikan perkhidmatan sokongan dengan cara menaruh kepercayaan kepada murid bahawa mereka boleh memberhentikan amalan penyalahgunaan dadah.

Soalan 4 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Fungsi terapinya terletak pada suasana permisif dan percaya-mempercayainya.
- Rela berkongsi masalah peribadi dengan ahli sebaya yang lain.
- Masalah-masalah ahlinya tidak memerlukan perubahan personaliti yang meluas.
- Ahli boleh menggunakan interaksi dengan ahli lain dalam kumpulan itu.

4 Ciri-ciri di atas menjurus kepada kaunseling _____.

A remaja
B individu
C kelompok
D warga tua

5 Pendekatan _____ mengutamakan pemahaman, kesedaran emosi dan fizikal tentang diri klien sendiri berdasarkan tindakan.

A Gestalt
B Tingkah laku
C Berpusatkan klien
D Rasional–Emotif (RET)

6 Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1983 merupakan usaha ulung kerajaan Malaysia untuk _____.

A mengintegrasikan ilmu Islam dengan Barat
B meningkatkan program khidmat kaunseling
C mendapat tempat dalam kalangan agensi kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah
D mengadakan seminar-seminar kebangsaan yang bertemakan kaunseling dalam masyarakat Islam.

7 Proses kaunseling adalah paling efektif sekiranya _____.

A klien dirujuk oleh pihak ketiga
B klien sedar bahawa masalah yang dihadapinya adalah serius
C klien muncul secara sukarela untuk melibatkan diri dalam sesi kaunseling
D ibu bapa klien bersetuju memberikan persetujuan kepada anak untuk mengikuti proses kaunselingnya

8 Warga kurang upaya sering merasakan diri mereka kurang bernilai dibandingkan dengan golongan yang normal. Dalam situasi ini, kaunselor seharusnya berperanan _____.

A memuji tindakan positif mereka
B mengenangkan kisah lama mereka
C menaikkan semula konsep kendiri mereka
D menyedarkan kepentingan warga tua untuk pembangunan negara

9 Keluarga yang mempunyai anak kurang upaya akan mengalami konflik. Asas yang menentukan model keluarga yang terbaik adalah disebabkan _____.

A perasaan rendah diri yang dialami oleh mereka
B gagal menyelesaikan masalah peribadi oleh suami dan isteri
C berbezanya latar belakang budaya antara pasangan suami isteri
D tidak mengaplikasikan aspek kreatif dalam mengurus rumah tangga oleh pasangan suami dan isteri

10 Teori Ginzberg mendapati tiga peringkat penting dalam proses pemilihan kerjaya seperti berikut.

I Peringkat fantasi
II Peringkat tentatif

III Peringkat realistik
IV Peringkat optimistik
A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Soalan 11 berdasarkan pernyataan di bawah.

- PRS hendaklah memberikan pertolongan yang jujur.
- PRS hendaklah menerima peranan rakan tanpa prasangka.
- PRS hendaklah melaporkan masalah rakan yang terlalu berat kepada kaunselor.
- PRS hendaklah memelihara rahsia segala maklumat yang diterima daripada rakannya.

11 Pernyataan di atas dapat disimpulkan sebagai _____ Pembimbing Rakan Sebaya (PRS).
A etika
B ciri-ciri
C peranan
D jenis pertolongan

12 Pernyataan berikut ialah fungsi Lembaga Kaunselor, **kecuali** ...
A mendaftarkan kaunselor yang berkelayakan.
B menentukan standard program latihan kaunseling.
C mengiktiraf profesion kaunseling sebagai suatu kerjaya yang profesional.
D membuat cadangan kepada kerajaan berhubung standard perkhidmatan kaunseling.

13 Antara pernyataan berikut, yang manakah **terpenting** dalam menilai kejayaan perkhidmatan kaunseling?
A Penekanan kaunseling adalah lebih kepada mencegah daripada merawat.
B Kaunseling paling berkesan apabila dirancang secara sistematik dan teratur.
C Kaunseling membantu klien memperoleh pengetahuan dan kefahaman diri.
D Kaunseling lebih berkesan sekiranya terdapat kerjasama antara pelajar, guru, ibu bapa, pentadbir dan kaunselor.

14 "Williamson (1939) menekankan kemahiran pengajaran, penguasaan dan pengaruh kaunselor dalam membantu klien menentukan kerjaya mereka." Pernyataan di atas berkaitan dengan _____.
A *Army Alpha Test*
B *Minnesota point of view*
C *A mind that found itself*
D *Diversified curriculum complemented by vocational guidance*

15 "Seseorang kaunselor hendaklah sering berusaha mengenali masalah pelajar sebelum cuba menyelesaikannya." Pernyataan di atas dapat dinilai melalui kemahiran _____.
A meramal
B memahami
C mengetahui
D organisasi

16 Tujuan utama menentukan norma dalam kaunseling kelompok adalah untuk _____.
A berkomunikasi secara tidak langsung
B memahami peraturan dalam kelompok
C mendalami hal-hal peribadi ahli-ahli kelompok
D melicinkan kelancaran proses kaunseling kelompok

17 Dua istilah, iaitu "ibu bapa pengasih" dan "ibu bapa kritikal" adalah berkaitan dengan _____.

A Berne (1961)
B Ellis (1950-an)
C Naranjo (1970)
D Perls (1940-an)

18 "Beliau menyarankan idea pendekatan kaunseling Islam; dan menyarankan falsafah dan matlamat kaunseling dilihat semula dengan memberikan perhatian untuk menghidupkan jiwa dan nilai-nilai agama berteraskan fitrah manusia." Penyataan di atas adalah saranan daripada _____.

A Maslow (1956)
B Malik Badri (1978)
C Ghazali Badri (1980)
D Hasan Langgulung (1990)

19 Dalam sesi kaunseling, klien yang menghadapi kaunselor biasanya mempunyai perasaan negatif seperti berasa sedih, risau dan mengalami kekeliruan kognitif. Keadaan ini adalah ciri-ciri klien yang normal _____ sesi kaunseling.

A semasa **C** di akhir
B selepas **D** di awal

Soalan 20 berdasarkan pernyataan di bawah.

- Ali seorang yang berpersonaliti intelektual.
- Ali menguruskan persekitaran dengan menggunakan kecerdasannya.
- Ali berminat terhadap pekerjaan yang bercorak saintifik.
- Ali juga berminat terhadap aktiviti-aktiviti kreatif seperti seni, muzik dan seni bina.

20 Keperibadian Ali dapat dianalisis dengan tepat melalui Teori _____.

A Roe (1957)
B Holland (1971)
C Hoppock (1967)
D Ginzberg (1951)

Bahagian B: Soalan Struktur (40 markah)

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1 Nyatakan **dua** tujuan parafrasa semasa sesi kaunseling? (10 markah)

(i) _____

(ii) _____

2 Senaraikan **empat** peranan kaunselor dalam kaunseling kelompok. (10 markah)

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

3 Senaraikan **empat** tanggungjawab dan etika kaunselor Islam. (10 markah)

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

4 Senaraikan **empat** kemahiran asas Bimbingan dan Kaunseling. (10 markah)

(i) _____

_____

(ii) _____

_____

(iii) _____

_____

(iv) _____

_____

Bahagian C: Soalan Esei (40 markah)

Jawab 2 (dua) soalan sahaja daripada bahagian ini.

1 Senaraikan **lima** ciri penting yang perlu ada pada ibu bapa/penjaga kanak-kanak berkeperluan khas. Jelaskan setiap satu daripada ciri tersebut.

(20 *markah*)

2 Aplikasikan **dua** kaedah kaunseling kanak-kanak dalam menangani masalah mereka. Rujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

(20 *markah*)

3 Huraikan peranan kaunselor terhadap kepentingan kerjaya kepada kanak-kanak.

(20 *markah*)